

## ULASAN KES

### ***KENGADHARAN RAMASAMY V MENTERI KEWANGAN MALAYSIA & ANOR [2023] 4 MLJ 386***

*Nur Aiman Sharizal*

aiman.sharizal.1999@gmail.com

Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya

#### **PENDAHULUAN**

Setiap individu di Malaysia dijamin hak untuk hidup bebas seperti yang termaktub di bawah peruntukan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 5(1) menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Peruntukan tersebut meliputi dua aspek, iaitu hak untuk hidup (*right to life*) dan hak kebebasan diri (*personal liberty*).

Skop interpretasi mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan bergantung pada pendekatan literal atau liberal yang boleh diguna pakai oleh mahkamah. Pendekatan literal merujuk interpretasi yang mengambil kira maksud asal dan maksud sebenar sesuatu perkataan atau frasa itu. Sebaliknya, pendekatan liberal pula bermakna apabila mahkamah melangkaui maksud sesuatu perkataan atau frasa itu dan mengaplikasikan prinsip undang-undang natural dan tidak bertulis (Ashgar Ali, 2020).

Mahkamah di Malaysia, melalui beberapa kes, telah mengupas dengan panjang lebar tentang takrifan hak untuk hidup dan kebebasan diri. Kedua-dua pendekatan sama ada literal atau liberal telah digunakan dalam kes yang berkaitan. Antaranya termasuklah kes *Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* [1996] 1 MLJ 261 apabila pendekatan liberal digunakan oleh mahkamah untuk mengupas persoalan tentang *life* yang merangkumi setiap aspek kehidupan yang menyumbang kepada kualiti sesebuah kehidupan. Sebaliknya, mahkamah dalam kes *Government of Malaysia & Ors v Loh Wai Kong* [1979] 2 MLJ 33 pula menggunakan pendekatan literal dan mengehadkan maksud *personal liberty*, iaitu hanya berkaitan dengan hak terhadap tubuh badan atau fizikal seseorang. Sri

Ram (2017) mengkritik pendekatan literal yang diguna pakai dalam kes tersebut dan menyifatkan keputusan itu sebagai antara zaman kegelapan sejarah perundangan.

Walau bagaimanapun, setiap takrifan “kebebasan diri” yang diputuskan oleh mahkamah juga mengambil kira peruntukan undang-undang yang menjadi pertikaian dalam sesebuah kes itu. Kes yang dibincangkan ini ialah kes *Kengadharan Ramasamy v Menteri Kewangan Malaysia & Anor* memfokuskan perbincangan tentang Akta Levi Pelepasan 2019 (Akta 813) dan Perintah Levi Pelepasan (Kadar Levi Pelepasan) 2019 (Perintah PU(A) 213).

Akta Levi Pelepasan 2019 telah diwartakan dan berkuat kuasa pada Julai 2019. Akta ini bertujuan untuk mengenakan levi pelepasan (cukai) kepada sesiapa yang meninggalkan Malaysia. Pengenaan levi pelepasan menurut Akta ini hendaklah dikenakan terhadap orang yang ingin meninggalkan Malaysia menggunakan pengangkutan udara, iaitu menaiki kapal terbang. Dalam keadaan ini, adalah menjadi tanggungjawab syarikat penerbangan untuk mengenakan levi dalam tiket penerbangan yang akan dibeli oleh para pelanggan. Jumlah levi pelepasan yang dikenakan berbeza bagi kelas penerbangan (kelas ekonomi dan bukan ekonomi) dan destinasi negara ASEAN dan bukan ASEAN. Bagi mana-mana pengendali, jika melakukan apa-apa kesalahan di bawah akta ini, boleh dikenakan penalti denda atau penjara menurut peruntukan akta. Walau bagaimanapun cukai ini dikecualikan terhadap golongan berikut: bayi dan kanak-kanak berumur bawah 24 bulan; penumpang yang transit dalam tempoh tidak lebih 12 jam; anak kapal (*Cabin Crew*) yang sedang bertugas dan orang yang memandu sendiri termasuk penumpang apa-apa jenis kenderaan untuk kegunaan persendirian.

Mengikut pembentangan rang undang-undang levi pelepasan pada peringkat Dewan Negara semasa bacaan kali kedua dan ketiga, Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa penggubalan rang undang-undang tersebut adalah selaras dengan Belanjawan Negara 2019. Penggubalan Akta tersebut secara khususnya bertepatan mengikut Strategi 3, iaitu meningkatkan Hasil Kerajaan dalam Belanjawan Negara tahun 2019. Tambahan lagi, negara jiran seperti Indonesia dan Singapura juga telah mengenakan levi pelepasan terhadap mana-mana individu yang meninggalkan negara tersebut melalui mod laluan udara.

## FAKTA KES

Perayu yang merupakan seorang peguam telah mencabar keesahan peruntukan Akta Levi Pelepasan 2019. Beliau telah membuat permohonan pengisytiharan di Mahkamah Tinggi untuk mengisytiharkan bahawa Akta Levi Pelepasan 2019 (Akta 813) dan Perintah Levi Pelepasan (Kadar Levi Pelepasan) 2019 (Perintah PU(A) 213) adalah bercanggah dengan Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu adalah tidak sah, terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan.

Perayu berhujah bahawa levi yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia telah melanggar hak perlembagaannya untuk melancong ke luar negara seperti yang dijamin oleh Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan oleh Perayu dengan alasan bahawa Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan hanya merangkumi kebebasan diri dan mengecualikan apa-apa hak lain seperti hak untuk mendapatkan pasport dan hak untuk melancong ke luar negara.

Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi dan kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan di Putrajaya. Rayuan ini didengar oleh panel hakim yang terdiri daripada YA Datuk Yaacob Hj Md Sam, YA Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali dan YA Dato' Haji Azman Bin Abdullah.

## ISU

Isu utama yang perlu diputuskan oleh panel hakim di atas adalah sama ada Akta Levi Pelepasan 2019 (Akta 813) dan Perintah berkaitan adalah selari dengan Perlembagaan Persekutuan, sah dan boleh dikuatkuasakan.

## KEPUTUSAN MAHKAMAH

Dalam rayuan ini, para hakim menolak rayuan perayu dan mengesahkan perintah pengisytiharan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi bahawa Akta 813 dan Perintah berkaitan adalah selari dengan Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan.

## ALASAN PERUNDANGAN

Penghakiman ini telah memberikan penjelasan tentang sejauh mana takrifan kebebasan diri dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan boleh diaplikasikan dalam konteks perundangan yang difokuskan.

Mahkamah telah merujuk penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Government of Malaysia & Ors v Loh Wai Kong* [1979] 2 MLJ 33. Isu yang diputuskan dalam kes ini adalah sama ada seseorang itu mempunyai hak untuk ke luar negara, melancong ke luar negara dan hak untuk memegang pasport. Kes ini secara ringkasnya melibatkan seorang warganegara (responden dalam kes tersebut) yang dinafikan hak untuk memperbaharui pasportnya yang tamat tempoh kerana telah didakwa atas satu kesalahan jenayah. Responden telah berhujah bahawa seorang warganegara mempunyai hak untuk memiliki hak kebebasan untuk ke luar negara dan mengatakan bahawa tindakan pihak eksekutif yang meniadakan haknya untuk memiliki pasport adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut telah memutuskan bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan seorang warganegara mempunyai hak untuk ke luar negara dan memiliki pasport. Mahkamah juga memutuskan bahawa kerajaan mempunyai kuasa budi bicara sama ada untuk membenarkan, menunda atau membatalkan permohonan untuk memiliki atau memperbaharui pasport atas sebab-sebab yang munasabah, sebagai contoh dalam kes ini adalah disebabkan terdapat pertuduhan jenayah. Namun begitu, kuasa budi bicara kerajaan adalah tertakluk pada semakan di mahkamah.

Dalam mengupas skop Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah telah memutuskan seperti yang berikut:

*In the light of this principle, in construing “personal liberty” in art 5(1) one must look at the other clauses of the article, ... it will be observed that these are all rights relating to the person or body of the individual, and do not, in our judgment, include the right to travel overseas and to a passport. Indeed freedom of movement is dealt with specifically in art 9 which, however, only guarantees the citizen (but not the non-citizen) the right to enter Malaysia, and, subject to the special immigration laws applying in Sabah and Sarawak and to other exceptions set out therein, to move freely within the Federation and to reside anywhere therein.*

Daripada petikan di atas, Mahkamah Persekutuan menjelaskan bahawa kebebasan diri dalam Perkara 5(1) adalah tidak termasuk hak untuk ke luar negara dan memiliki pasport. Menurut mahkamah, kebebasan diri atau *personal liberty* hanya merujuk hak seseorang atau individu

terhadap tubuh badannya. Oleh yang demikian, sebarang halangan fizikal merupakan pencabulan kebebasan diri tersebut. Sebagai sokongan, Mahkamah Persekutuan juga telah merujuk interpretasi yang dipelopori oleh AV Dicey (ahli falsafah perlembagaan British), iaitu kebebasan diri ialah hak peribadi untuk tidak tertakluk pada penjara, tangkapan atau apa-apa jenis paksaan secara fizikal.

Dalam rayuan semasa, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa kes *Loh Wai Kong* lebih tepat untuk dirujuk kerana fakta kes adalah serupa dengan rayuan ini. Isu yang dibincangkan dalam *Loh Wai Kong* ialah hak atau sekatan ke luar negara, manakala isu dalam kes ini juga berkait dengan hak ke luar negara, oleh itu *Loh Wai Kong* paling sesuai dirujuk oleh Mahkamah. Selain itu, perayu juga telah menengahkan kes *Alma Nudo Atenza v Public Prosecutor and another appeal* [2019] 4 MLJ 1 dan berhujah bahawa mahkamah seharusnya mengikut interpretasi luas yang diputuskan dalam kes tersebut. Mahkamah dalam kes tersebut telah menyatakan seperti yang berikut:

*[109] Accordingly, art 5(1) which guarantees that a person shall not be deprived of his life or personal liberty (read in the widest sense) save in accordance with law envisages a state action that is fair both in point of procedure and substance. In the context of a criminal case, the article enshrines an accused's constitutional right to receive a fair trial by an impartial tribunal and to have a just decision on the facts.*

Dalam rayuan semasa, Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa keputusan dalam *Alma Nudo Atenza* tidak membatalkan keputusan kes *Loh Wai Kong* kerana isu perundangan yang dibincangkan dalam kedua-dua kes adalah berbeza. Untuk makluman, kes *Alma Nudo Atenza* dan kes *Loh Wai Kong* telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan. Bagi menjelaskan isu ini, panel hakim Mahkamah Rayuan telah mendapati bahawa *Alma Nudo Atenza* ialah kes yang berkaitan dengan isu *double presumption* dalam undang-undang jenayah. Isu terbabit telah menggugat hak kebebasan diri tertuduh di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan tujuan mengekang jenayah. Ternyata konteks perundangan yang dipertikaikan adalah berbeza dengan hak ke luar negara seperti yang dibincangkan dalam kes rayuan ini. Maka dengan itu, keputusan *Loh Wai Kong* masih relevan dan boleh diguna pakai.

Seterusnya, Mahkamah juga telah merujuk keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Maria Chin Abdullah v Ketua Pengarah Imigresen & Anor* [2021] 1 MLJ 750. Perayu dalam kes ini telah dihalang untuk menaiki kapal terbang semasa hendak ke luar negara dan telah mendapat tahu semasa proses semakan kehakiman bahawa dirinya disenarai hitam untuk meninggalkan negara atas alasan beliau memburukkan Kerajaan Malaysia dalam ucapan dan tindakannya di beberapa forum. Perayu telah merayu, antara lain, mengenai sama ada Seksyen 59 Akta Imigresen adalah sah dan selari dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga sama ada Seksyen 3(2) Akta Imigresen memberikan budi bicara yang luas kepada Pengarah Imigresen.

Dalam kes ini telah diputuskan bahawa Responden Pertama, iaitu Ketua Pengarah Imigresen tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan melancong terhadap perayu dalam keadaan kes tersebut, walau bagaimanapun, Seksyen 59 dan 59A Akta Imigresen masih sah dan selari dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam kes *Maria Chin*, terdapat dua orang hakim yang menentang majoriti panel apabila kedua-dua hakim ini telah menggunakan pendekatan liberal dan mengatakan bahawa pembacaan perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan perlulah secara prismatic dan berlandaskan fakta bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah dokumen hidup dan organik, “kebebasan diri” dalam Perkara 5(10) meliputi hak untuk melancong ke luar negara. Walaupun begitu, majoriti panel hakim telah mengatakan bahawa peruntukan yang dirujuk dalam Akta Imigresen adalah selari dengan Perlembagaan kerana Perkara 121(1) Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Parlimen untuk menggubal perundangan sewajarnya. Menurut kes tersebut, Mahkamah Rayuan dalam rayuan ini telah mengatakan bahawa kebebasan diri yang diperuntukkan dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan masih tertakluk pada undang-undang berkaitan yang telah digubal oleh Parlimen.

Selepas tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan ini, perayu telah memohon kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan (Hafiz, 2023). Permohonan kebenaran untuk merayu ini telah ditolak oleh panel hakim Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan melalui YA Tan Sri Datuk Nallini Pathmanathan memutuskan bahawa Akta 813 hanya memperuntukkan pengenaan levi bagi individu yang meninggalkan

negara. Hak untuk ke luar negara tidak menjadi isu dalam akta ini dan tidak melanggar hak untuk melancong ke luar negara. Memandangkan hak ini bukan subjek utama akta ini, maka isu pelanggaran dengan kebebasan diri dalam Perlembagaan Persekutuan tidak berbangkit di sini.

## KESIMPULAN

Interpretasi hak kebebasan diri atau *personal liberty* di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dijelaskan dalam kes ini menggunakan pendekatan literal dan tafsirannya adalah terhadap hak kebebasan diri secara fizikal. Hak perlembagaan ini tidak merangkumi hak-hak lain seperti hak memegang pasport atau hak untuk melancong ke luar negara. Kes ini menunjukkan bahawa pendekatan literal dalam keputusan kes *Loh Wai Kong* masih boleh diguna pakai meskipun nisbahnya adalah berbeza dengan keputusan kes terbaharu seperti *Alma Nudo Atenza*.

Panel hakim telah memilih untuk mengambil pendekatan literal ini berlandaskan fakta kes dalam kes ini yang serupa dengan kes *Loh Wai Kong*. Walau bagaimanapun, kes ini tidak membatalkan apa-apa keputusan yang menggunakan pendekatan yang luas atau liberal kerana setiap kes boleh dibezakan berdasarkan isu dan fakta kes yang diketengahkan.

Kes ini menekankan bahawa hak kebebasan diri yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan juga tertakluk pada undang-undang yang berkaitan. Oleh itu, adalah penting untuk kita meneliti dan mengesahkan kesahan undang-undang yang terlibat. Dalam kes ini, kedua-dua akta dan perintah telah digubal untuk mengenakan levi apabila seseorang itu meninggalkan negara. Pengenaan levi pelepasan tersebut merupakan pengenaan cukai di bawah undang-undang yang sah, iaitu Akta 813. Oleh yang demikian, pengenaan levi atau cukai pelepasan ini tidak bercanggah dengan apa-apa hak perlembagaan seseorang individu seperti yang termaktub di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan.

## RUJUKAN

- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara (2019). Parlimen Keempat Belas Penggal Kedua Mesyuarat Pertama.
- Ashgar Ali, A.M. (2020). Malaysian legal system (2<sup>nd</sup> ed.). CLJ Publication.
- Sri Ram, G. (2017). The dynamics of constitutional interpretation. *Malaysian Law Journal*.
- Hafiz Yatim. (2023, Ogos 3). Fed Court: Departure levy does not impinge on right to travel abroad. *The Edge Malaysia*. <https://theedgemalaysia.com/node/677275>